

19 sekolah ditutup banjir di Kuching



Pemandangan dari udara **keadaan banjir di Kampung Endap, Kota Samarahan**, kira-kira 30 kilometer dari bandar raya Kuching, semalam. (FOTO BERNAMA)

» 50 pusat pemindahan tampung 7,327 mangsa di Sarawak

Oleh Nurul Hidayah Bahaudin
bhnews@bh.com.my

► Kuching

Sembilan belas sekolah rendah dan sekolah menengah yang terjejas akibat banjir di negeri ini ditutup, semalam.

Pengarah Jabatan Pendidikan Sarawak, Rakayah Madon, berkata keseluruhannya 19 sekolah dikenal pasti terjejas akibat banjir sama ada dinaiki air mahupun terputus hubungan membabitkan empat daerah iaitu Padawan

(9), Bau (7), Lubok Antu (2) dan Lundu (1).

“Selain itu, lapan sekolah turut dijadikan sebagai pusat pemindahan membabitkan Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Batu Kawa, Sekolah Kebangsaan (SK) St Peter, SK George di Padawan, manakala, SK Tanah Merah, SMK Tebakang, SK Tanah Putih di Serian, selain SK Endap dan SK Siniawan masing-masing di Kota Samarahan dan Bau,” katanya.

Mengulas lanjut, Rakayah berkata, perkembangan sekolah itu akan dipantau bagi memastikan sama ada ia perlu ditutup atau sebaliknya, bergantung kepada keadaan air.

“Sehingga jam 4 petang semalam, keadaan sekolah terjejas masih belum banyak berubah. Namun, keputusan berhubung meneruskan penutupan sekolah terbabit masih belum diputuskan kerana ia bergantung kepada keadaan semasa di kawasan berke-

naan,” katanya.

Dalam perkembangan lain, jumlah mangsa banjir yang ditempatkan di pusat pemindahan di negeri ini tidak menunjukkan penurunan ketara sehingga lewat petang semalam walaupun keadaan cuaca agak baik sepanjang hari.

Sehingga jam 8 malam tadi, seramai 7,636 mangsa banjir daripada 1,917 keluarga masih ditempatkan di pusat pemindahan berbanding 7,965 mangsa pada 12 tengah hari, semalam.

Keseluruhannya, 50 pusat pemindahan masih beroperasi di tiga bahagian membabitkan Kuching (34), Serian (11) dan Kota Samarahan (5).

Di **Kota Samarahan**, prihatin dengan nasib mangsa banjir di Sarawak, Media Prima Berhad (MPB) tampil menghulurkan sumbangan kepada 128 keluarga yang terjejas di Kampung Endap di sini, semalam.



Penduduk kampung termenung mengenangkan nasib berikutan **fenomena air pasang besar** yang menjejaskan kawasan perumahan mereka di Tebingan Sungai, Kuching.



Anggota bomba dan penyelamat mengusung mayat mangsa, Judus Jalina yang dihanyutkan arus deras di Kampung Maan, semalam. (FOTO IHSAN BOMBA DAN PENYELAMAT)

Keperluan asas

Sumbangan *survival kit* yang mengandungi keperluan asas itu diserahkan dengan kerjasama Jabatan Pertahanan Awam Malaysia (JPAM) Sarawak kepada keluarga mangsa yang ditempatkan di pusat pemindahan di Sekolah Kebangsaan (SK) Endap.

Sumbangan disampaikan Ketua Biro Harian Metro Sarawak, Shamran Sarahan, yang mewakili MPB kepada Pegawai Daerah Kota Samarahan, Aini Wahab untuk disalurkan kepada pendu-

duk terjejas.

Bantuan itu hasil kutipan Tabung Bencana NSTP-Media Prima dengan kerjasama Kementerian Pertahanan, menerusi program Jiwa Murni, bagi meringankan beban ditanggung mangsa.

Pengarah JPAM Sarawak, Kolonel Mokhtar Samat, berkata sumbangan itu mengandungi pelbagai kelengkapan asas yang diperlukan mangsa banjir seperti berus dan ubat gigi, ubat penahan sakit dan ubat sakit perut.



Shamran (empat dari kiri) mengagihkan **survival kit** kepada mangsa banjir di pusat pemindahan SK Endap, Kuching, semalam. (FOTO JEAKQLEYN YACHO/BH)



Penduduk di pusat pemindahan mangsa bencana banjir di Sekolah Rendah Endap, Kuching.